

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Pendeposit bimbang Tabung Haji ditutup
03 Jun 2010
Sinar Harian (Pahang)
NEWS
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
P18
513 cm²
Full Color
2,822
8,465



Pendeposit bimbang Tabung Haji ditutup

KUALA ROMPIN – Desas-desus Lembaga Tabung Haji cawangan Rompin akan ditutup dan digantikan dengan Bank Islam membimbangkan kira-kira 10,000 pendeposit Tabung Haji di sini.

Pendeposit bimbang ura-ura penutupan Tabung Haji yang beroperasi sejak 10 tahun lalu memberi kesan kepada umat Islam di daerah ini untuk mengerjakan haji dan menyebabkan mereka sukar menjalankan pelbagai urusan berkaitan haji.

Pendeposit berpendapat jika benar terdapat ura-ura menutup agensi itu, ia dianggap tidak wajar dan tidak kena masa kerana bilangan pendeposit di Tabung Haji semakin bertambah selaras peningkatan di daerah itu.

Ura-ura bangunan Tabung Haji diambil alih Bank Islam yang akan menjalankan fungsi seperti agensi itu menggusarkan pendeposit yang khuatir perkhidmatan yang diberikan tidak sama seperti asal.

Mereka tidak membantah sekiranya Bank Islam diwujudkan di kawasan itu, tetapi berharap fungsi dan peranan Tabung Haji diteruskan untuk kesejahteraan penduduk yang membuat tabungan di agensi itu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Membantah Penutupan Tabung Haji, Abdul Aziz Yakub berkata, penduduk Rompin membantah sekeras-kerasnya sebarang usaha menutup Tabung Haji dan telah menandatangani surat bantahan.

Menurutnya, pendeposit tidak nampak sebarang alasan untuk menutup fungsi dan operasi Tabung Haji di sini kerana ramai penduduk menjadikan agensi itu

sebagai tabung simpanan mereka.

“Sebagai pendeposit awal, saya kecewa dengan ura-ura itu kerana banyak jasa yang pernah diberikan agensi itu kepada penduduk setempat dalam mengerjakan ibadah haji setiap tahun.

“Penduduk merayu kepada Tabung Haji supaya tidak menghentikan perkhidmatan mereka kerana ramai jemaah haji sudah berjaya mengerjakan ibadah itu hasil tabungan mereka di agensi itu,” katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kuala Rompin, Mohammad Razak Daud berkata, Tabung Haji sebagai agensi bertanggungjawab menguruskan bakal jemaah haji di daerah itu sebenarnya tiada keperluan mendesak untuk menutup operasinya.

Menurutnya, pembukaan Tabung Haji memainkan peranan besar kepada penduduk Islam di daerah itu dan menganggap jika ia ditutup maka hilang fungsi sebenar agensi.

“Tabung Haji dibuka sebelum saya dilantik menjadi Ketua Kampung lebih 10 tahun lalu, saya kecewa jika Tabung Haji tidak dapat dipertahankan untuk masa akan datang,” katanya.

Imam Masjid Sungai Puteri, Syed Hassan Syed Othman berkata, penutupan Tabung Haji meng-

guris hati umat Islam di Rompin sedangkan agensi itu mendapat sambutan baik penduduk setempat.

Syed Hassan berkata, Tabung Haji adalah sebuah agensi perbankan Islam yang berlandaskan syariah, menepati kehendak penduduk dan menegaskan ura-ura penutupan itu adalah satu kerugian besar kepada penduduk Islam.

“Sebagai umat Islam, saya dan umat Islam lain turut kecewa dengan ura-ura penutupan ini dan berharap Tabung Haji membuat pertimbangan sewajarnya jika mahu menutup institusi perbankan itu,” katanya.

Seorang penduduk, Husin Ismail berkata, jika benar Tabung Haji ditutup, ia menyukarkan penduduk untuk mendapatkan kursus bimbingan haji dan menyimpan tabungan.

Katanya, tidak mustahil penduduk di Tanjung Gemok akan mendapatkan khidmat pengurusan haji di Mersing berikutan jarak untuk ke Muadzam Shah jauh.

“Kita tidak mahu penduduk mendapatkan perkhidmatan itu di negeri lain kerana jarak perjalanan yang jauh menyukarkan penduduk di Tanjung Gemok dan kawasan sekitarnya,” katanya.

Husin berkata, sebagai umat Islam, dia menyokong penuh perkhidmatan ditawarkan Tabung Haji kepada penduduk setempat dan beranggapan bahawa agensi itu adalah contoh perbankan yang menawarkan layanan dan perkhidmatan terbaik.

“Saya berharap supaya fungsi dan peranan Tabung Haji tidak dihentikan memandangkan ia menjadi agensi penting kepada seluruh umat Islam,” katanya.

Sementara itu, Pengerah Tabung Haji negeri, Mohylen Mos-

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Pendeposit bimbang Tabung Haji ditutup
03 Jun 2010
Sinar Harian (Pahang)
NEWS
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
P18
513 cm²
Full Color
2,822
8,465

man ketika ditemui berkata, dakwaan penduduk yang menyatakan Tabung Haji cawangan Rompin akan ditutup adalah kenyataan tidak berasas dan tidak benar.

Menurutnya, Tabung Haji akan menjalankan operasi dan perkhidmatan seperti biasa dan menganggap spekulasi yang menyatakan Tabung Haji akan menamatkan perkhidmatan di Rompin adalah tidak tepat.

"Perkara ini tidak benar, saya menafikan bahawa Tabung Haji akan ditutup di Rompin dan apa yang penting Tabung Haji memberi jaminan akan meneruskan operasi perkhidmatan tabung simpanan kepada penduduk seperti biasa," katanya.



● Sebahagian penduduk membantah cadangan penutupan Tabung Haji di bandar Kuala Rompin kerana ia dijangka memberi kesan kepada lebih 10,000 pendeposit di daerah itu.



● Penduduk mendakwa penutupan agensi itu adalah tidak wajar dan bukan pada waktu sesuai kerana bilangan pendeposit di TH semakin bertambah.

Headline **Pendeposit bimbang Tabung Haji ditutup**
Date **03 Jun 2010**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **P18**
Article Size **513 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,822**
PRValue **8,465**



● MOHYEN MOSMAN